

Peliharalah Privasi Keluargamu

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ مِنْ أَشَرِّ النَّاسِ عِنْدَ اللَّهِ مَنْزِلَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ، الرَّجُلُ يُفْضِلُ إِلَى امْرَأَتِهِ، وَتُفْضِي إِلَيْهِ، ثُمَّ يَنْشُرُ سِرَّهَا

Maksudnya: Daripada Abu Sa'id al-Khudri, dia berkata, Rasulullah Sallallahu alaihi wassalam bersabda: "Sesungguhnya manusia yang paling buruk kedudukannya di sisi Allah pada hari kiamat ialah apabila seorang lelaki yang bergaul (bersetubuh) dengan isterinya dan isterinya bergaul (bersetubuh) dengannya, kemudian si suami menyebarkan rahsia isterinya (kepada orang lain)."

(Hadis Riwayat Muslim, no.1437)

Dalam hadis ini, Nabi Sallallahu alaihi wassalam mengecam keras perbuatan seorang lelaki yang telah berhubungan intim dengan isterinya kemudian mendedahkan butiran atau rahsia hubungan tersebut kepada orang lain. Ia bukan sahaja perbuatan tidak beradab, bahkan merupakan satu pengkhianatan terhadap amanah dan maruah pasangan.

Perkataan "يُفْضِي" dalam hadis merujuk kepada hubungan kelamin yang paling intim,

manakala "يَنْشُرُ سِرَّهَا" membawa maksud menyebarkan atau mendedahkan rahsia yang sepatutnya hanya diketahui oleh pasangan sahaja. Hal ini juga termasuk pendedahan mengenai penampilan tubuh pasangan, kelemahan dalam hubungan, atau penceritaan hal-hal bilik tidur secara terbuka.

Perkahwinan dalam Islam bukan sekadar hubungan fizikal, tetapi merupakan satu ikatan suci berasaskan kepercayaan, kasih sayang dan perlindungan antara dua insan. Rasulullah Sallallahu alaihi wassalam telah mengajarkan akhlak yang sangat tinggi dalam menjaga hubungan suami isteri, termasuk menjaga rahsia antara satu sama lain.

Memuat naik gambar atau video di media sosial dan menceritakan keaiban pasangan merupakan perbuatan keji. Kepesatan teknologi maklumat yang ada sekarang membolehkan “*digital print*” kekal di internet dan lebih buruk, aktiviti “*repost*”, “*share to*”, dan “*save*” membolehkan perkongsian tersebut lebih meluas malah boleh diulang tayang dan dipertontonkan berkali-kali oleh masyarakat.

Islam Menjaga Maruah Pasangan

Allah *Subhanahu wata’ala* menyifatkan suami dan isteri sebagai pakaian kepada satu sama lain, firman Allah *Subhanahu wata’ala*:

هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ

Maksudnya: “Mereka adalah pakaian bagimu dan kamu adalah pakaian bagi mereka.”

(Surah al-Baqarah 2:187)

Pakaian berperanan untuk melindungi tubuh, menutup aib, dan juga memberi keselesaan. Begitu juga peranan suami isteri, mereka saling menutupi kelemahan dan menjaga kehormatan antara satu sama lain.

Perkahwinan dalam Islam adalah satu hubungan yang dibina berlandaskan kasih sayang, kepercayaan yang tinggi dan harus dijaga dengan penuh rasa hormat dan tanggungjawab.

Bukan hanya sekadar ikatan perkahwinan yang sah antara lelaki dan perempuan, tetapi ia adalah satu kepercayaan dan tanggungjawab. Allah *Subhanahu wata’ala* berfirman:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

Maksudnya: “Dan antara tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmat-Nya, Dia menciptakan untukmu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri daripada jenismu sendiri, agar kamu senang hati dan hidup mesra dengannya, dan Dia menjadikan antara kamu (suami isteri) rasa kasih dan sayang serta belas kasihan...”.

(Surah ar-Rum 30:21)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa tujuan perkahwinan adalah untuk mewujudkan kedamaian, ketenteraman dan keharmonian dalam kehidupan berkeluarga. Suami isteri diamanahkan untuk menjaga kehormatan, maruah, dan keselamatan emosi antara satu sama lain. Setiap pasangan hendaklah berusaha menjaga hubungan mereka dengan penuh rasa tanggungjawab, termasuk dalam menjaga privasi kehidupan peribadi yang tidak boleh diketahui oleh orang lain kecuali dalam keadaan yang benar-benar memerlukan.

Bahaya Menyebar Rahsia Privasi Rumah Tangga

1. **Mencemarkan maruah pasangan:** Aib yang terbuka sukar ditutup semula.
2. **Merosakkan kepercayaan rumah tangga:** Isteri akan berasa dikhianati dan hubungan menjadi renggang.
3. **Mengundang fitnah dan ghibah (umpatan):** Orang lain mungkin memperbesar cerita atau menokok tambah.
4. **Mengundang kemurkaan Allah Subhanahu wata'ala:** Hadis menjelaskan kedudukan pelaku itu adalah "paling buruk di sisi Allah Subhanahu wata'ala " pada hari kiamat kelak.

Adab Islam dalam Menjaga Rahsia Rumah Tangga

1. Tidak menceritakan hal intim kepada sesiapa, kecuali untuk tujuan syarak seperti mendapatkan nasihat agama daripada ulama yang dipercayai.
2. Tidak menyindir atau bergurau keterlaluan tentang isteri dalam perbualan awam.
3. Menghormati maruah pasangan walaupun dalam konflik atau selepas perceraian.

Penutup dan Pengajaran

Rasulullah *Sallallahu alaihi wassalam* telah meletakkan garis panduan yang jelas tentang pentingnya menjaga kehormatan pasangan. Menjadi tanggungjawab setiap suami dan isteri untuk memelihara rahsia rumahtangga sebagai amanah besar yang akan ditanya di hadapan Allah kelak. Jangan sampai gurauan, sindiran atau penceritaan kita hari ini menjadi sebab kita tergolong dalam kalangan manusia yang paling buruk kedudukannya di sisi Allah *Subhanahu wata'ala* pada hari kiamat. Rasulullah *Sallallahu alaihi wassalam* bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكُنْ خَيْرًا أَوْ لِيَصُمْتُ

“Sesiapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata yang baik atau diam.”

(Hadis Riwayat Muslim, no. 47)

Semoga kita menjadi golongan Muslim yang mengikut garis panduan daripada al-Quran dan as-Sunnah dalam mengurus institusi kekeluargaan yang telah dibina atas dasar kecintaan dan kasih sayang kerana Allah *Subhanahu wata'ala*.

Wallahu'alam.

جَابِرُ مِفْتَاحِ سِرِّ الْأَوْقَاتِ
JABATAN MUFTI SARAWAK